

**PROGRAM BERSAMA KOMUNITI SIRI 1/2020
MERDEKA BEACH & REEF CLEAN UP
31 OGOS 2020
TAMAN LAUT PULAU RUSUKAN BESAR, WP LABUAN**



Jabatan Perikanan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (DOFL) telah menganjurkan Program Bersama Komuniti : Merdeka *Beach & Reef Clean Up* 2020 sempena Hari Kebangsaan yang ke-63. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 31 ogos 2020 bertempat di Taman Laut Pulau Rusukan Besar, Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini telah dirasmikan oleh En.Faizal Ibrahim Bin Suhaili, Pengarah Perikanan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan. Penganjuran program ini menyaksikan seramai 80 orang sukarelawan yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat telah mengambil bahagian dalam menjayakan program bersempena dengan Hari Kebangsaan yang ke-63 tahun.

Tujuan penganjuran program ini adalah untuk mendidik, memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat berhubung kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem marin. Selain meningkatkan kesedaran awam melalui publisiti, kempen dan program pendidikan seumpama ini, program ini juga bertujuan untuk memperkasa hubungan dua hala antara jabatan dan komuniti setempat menerusi program CBM (*Community Based Management*).

Program pendidikan dan kesedaran awam akan menjadi satu program yang memberi kesedaran kepada individu / masyarakat tentang keindahan dan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Khususnya dalam bidang eksplorasi taman laut, supaya meningkatkan kesedaran pelajar dalam aspek ini. Sikap sayang akan alam sekitar dan membentuk pemikiran yang positif serta berkomited terhadap keseimbangan ekosistem dan interaksi manusia-marin.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah aktiviti pembersihan pantai, pembersihan dasar laut, lawatan ke mini pusat taman laut dan lawatan ke Pusat Penetasan Penyu. Sebanyak seberat lebih kurang 389 kilogram sampah yang terdiri daripada pelbagai jenis bahan buangan telah berjaya dikutip sebelum dihantar ke tapak pelupusan dan kilang kitar semula. Kaunter Hari Bertemu Pelanggan juga telah dibuka bagi kemudahan peserta yang ingin menyampaikan pandangan & cadangan secara terus kepada kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia.

**PROGRAM BERSAMA KOMUNITI SIRI 1/2020
MERDEKA BEACH & REEF CLEAN UP
31 OGOS 2020
TAMAN LAUT PULAU RUSUKAN BESAR, WP LABUAN**

